

**KAJIAN KES LITERASI KOMPUTER DIKALANGAN ORANG DEWASA
YANG BEKERJA : KAWASAN KAJIAN DI WISMA BAPA MALAYSIA,
KUCHING**

OLEH:

**NORZIE NANI BT FADZIL
MULIADY BIN ZAINUDIN
HAZLINA BT MOHD JALIL
DYG. IDAWATY BT AWG. MASRAN**

**Kertas projek ini disediakan untuk Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang bagi
memenuhi sebahagian keperluan Diploma Pentadbiran Awam**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**

SEPTEMBER 2002

DAFTAR KANDUNGAN

Isikandungan	Halaman
Surat Penyerahan	i
i Penghargaan	iv
ii Abstrak	vi
iii Senarai Singkatan	vii
iv Senarai Jadual	viii
v Senarai Rajah	ix
BAB 1 PENGENALAN	
1 Pengenalan Kajian	1
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Skop Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Andaian	11
1.7 Rangka Susunan Bab	12
BAB 2 TINJAUAN LITERATURE	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Hipotesis	15
2.3 Sejarah dan Perkembangan Komputer	16

ii ABSTRAK

Didalam kajian penyelidikan ini, iaitu kajian tentang literasi komputer dikalangan orang dewasa yang bekerja di Wisma Bapa Malaysia. Para penyelidik cuba untuk mengemukakan beberapa mengenai penggunaan komputer dikalangan pekerja dalam merialisasikan tugas pejabat mereka. Sebelum perbincangan secara menyeluruh tentang literasi komputer dikalangan orang dewasa di kawasan kajian kami, terlebih dulu perbincangan menjurus kepada komputer secara global dan pertapakan komputer di Malyasia.

Literasi komputer dikalangan orang dewasa yang bekerja di Wisma Bapa Malaysia dibincangkan dengan penerangan tentang kepentingan literasi komputer dalam urusan pejabat, takat kemahiran pekerja terhadap pengetahuan dan pemahaman komputer serta langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pekerja kepada penggunaan komputer. Literasi komputer dikalangan pekerja juga akan diterangkan secara terperinci yang disertakan dengan gambarajah dan jadual yang berkaitan.

Secara ringkasnya bahagian-bahagian yang ditekankan didalam laporan kajian ini adalah diharapkan apabila penyelidikan yang sebenar dilakukan, penyelidik akan dapat menjalankan penyelidikan dengan baik dan dapat mencapai keputusan yang memuaskan.

1. PENGENALAN KAJIAN

Selaras dengan saranan kerajaan untuk menuju ke arah IT iaitu Teknologi Maklumat, adalah amat penting bagi semua untuk tahu menggunakan komputer iaitu celik komputer atau literasi komputer tanpa mengira peringkat umur, tua atau muda.

Literasi komputer boleh didefinisikan sebagai kefahaman asas seseorang terhadap apa yang komputer boleh atau tidak boleh lakukan. Selain itu seseorang telah menggunakan komputer sebagai satu alat pada satu tahap peribadi atau juga profesional. Ia juga boleh berinteraksi dengan komputer dengan menggunakan pemprosesan perkataan, pangkalan data, lembaran hamparan atau aturcara perniagaan yang serupa dan mempunyai beberapa idea mengenai implikasi sosial yang disebabkan oleh teknologi komputer.

Kajian ini hanya ditumpukan di kalangan orang dewasa yang bekerja di Wisma Bapa Malaysia, Kuching. Secara umumnya, kajian ini dilakukan untuk melihat takat pemahaman asas atau celik komputer di kalangan orang dewasa yang bekerja sama ada berupaya mengendalikan atau menguruskan komputer atau sebaliknya.

Literasi komputer harus ada di kalangan orang dewasa yang bekerja bagi mencapai matlamat kerajaan Malaysia iaitu untuk melahirkan individu yang berkaliber, profesional, berdikari dan berilmu agar mampu bersaing dalam bidang perdagangan, keusahawanan dan bidang sains dan teknologi. Ini selaras dengan seruan kerajaan untuk melahirkan rakyat yang cemerlang dan berdaya saing dan unggul dalam pendidikan sains dan teknologi selaras dengan wawasan 2020. Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat tersebut, ia harus direalisasikan untuk mencapai matlamat kerajaan dalam penggunaan celik komputer demi kebaikan masa kini dan masa hadapan.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Daripada penyelidikan yang telah kami jalankan, terdapat beberapa masalah atau sebab mengapa kurangnya kemahiran dalam penggunaan komputer di kalangan orang dewasa yang bekerja atau lebih tepat lagi literasi komputer. Di antara masalah yang dikenal pasti adalah:

- i Masalah kurangnya pemahaman, pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer di kalangan orang dewasa yang bekerja. Perkara ini menimbulkan masalah kepada pekerja itu sendiri sedangkan wawasan kita adalah untuk menyahut seruan kerajaan dalam celik komputer.
- ii Masalah ini dapat dilihat apabila terdapat pekerja yang lambat menghantar tugas atau dibuat tidak mengikut format seperti yang dikehendaki. Ini menyebabkan mereka asyik bertanya kepada orang lain dan tidak ada inisiatif sendiri untuk membuat tugas dengan lebih efisien. Kekurangan tersebut menimbulkan pelbagai implikasi seperti rasa tertekan, hilang minat dalam menggunakan komputer dan sebagainya.
- iii Sikap sambil lewa untuk mendalami ilmu dalam penggunaan komputer dan tiada usaha untuk memahirkan diri dalam bidang tersebut.
- iv Penyalahgunaan komputer yang mana dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif seperti membuka laman web lucu dan pelbagai aktiviti yang tidak berfaedah.
- v Tiada pendedahan tentang penggunaan komputer dengan lebih terperinci serta tiada program yang dianjurkan untuk mereka memahirkan diri dalam bidang komputer.